

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VIII)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

20. Adakah pihak kerajaan mengeluarkan kompaun kepada warga asing atas kesalahan pembuangan sampah atau kesalahan yang lain?
- (a) Adakah sebarang *link* antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri supaya warga asing tidak dapat keluar daripada negara tanpa menyelesaikan kompaun tersebut?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sememangnya mengeluarkan kompaun kepada individu atau syarikat yang melakukan kesalahan di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil MBPP termasuk kepada warganegara asing. Sehingga kini, MBPP telah mengeluarkan 117 kompaun kepada warga negara asing atas kesalahan membuang sampah dalam tempoh Januari 2018 hingga Jun 2018. Disamping itu, MBPP juga telah mengeluarkan 51 Pemberitahuan Tentang Kesalahan (PTK) yang dilakukan oleh kenderaan warga asing dalam tempoh yang sama.

Kompaun yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi kesalahan berkaitan kebersihan adalah kepada alamat premis dan bukannya kepada nama individu perseorangan. MPSP juga mengeluarkan kompaun kepada alamat premis-premis yang disyaki dihuni / disewa oleh warga asing. Tiada kesalahan

Pemberitahuan Tentang Kesalahan (PTK) yang dikeluarkan kepada warganegara asing bagi kesalahan *parking/traffic* oleh MPSP.

- (a) Sehingga kini, tiada sebarang kerjasama (*link*) antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri untuk menyekat warga negara asing yang gagal menyelesaikan kompaun keluar dari negara ini.